

ANALISIS TEKNIK KUMPULAN NOMINAL (NGT) TERHADAP PENILAIAN KEBOLEHGUNAAN MODEL PENGAJARAN HIFZ AL-QURAN DALAM KURIKULUM BERSEPADU TAHFIZ

***NOMINAL GROUP TECHNIQUE (NGT) ANALYSIS ON THE USABILITY
EVALUATION OF THE HIFZ AL-QURAN TEACHING MODEL IN THE
INTEGRATED TAHFIZ CURRICULUM***

Ummu Hani Yusop^{1*}
Mohamed Akhiruddin Ibrahim²
Zainora Daud³

¹, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia, USIM Nilai, Malaysia,
(E-mail: ummuhaniyusop@gmail.com)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia, USIM Nilai, Malaysia,
(Email: akhiruddin@usim.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Universiti Sains Islam Malaysia, USIM Nilai, Malaysia,,
(E-mail: zainora@usim.edu.my)

*Corresponding author: ummuhaniyusop@gmail.com

Article history

Received date : 23-5-2025
Revised date : 24-5-2025
Accepted date : 14-7-2025
Published date : 15-7-2025

To cite this document:

Yusop, U. H., Ibrahim, M. A., & Daud, Z. (2025). Analisis Teknik Kumpulan Nominal (NGT) terhadap penilaian kebolehgunaan model pengajaran Hifz Al-Quran dalam kurikulum bersepadu tahfiz. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 958 - 970

Abstrak: Pendidikan tahfiz memainkan peranan penting dalam melahirkan modal insan Muslim yang seimbang dari segi rohani dan intelektual. Pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) oleh Kementerian Pendidikan Malaysia merupakan langkah strategik dalam mengintegrasikan hafazan al-Quran dengan pendidikan arus perdana. Namun, pendekatan pengajaran hafazan yang masih bersifat tradisional dan tidak berdasarkan teori pembelajaran moden menimbulkan cabaran dalam pelaksanaan KBT, khususnya dari aspek pedagogi dan penilaian keberkesanan PdP. Jurang ini menunjukkan keperluan terhadap pembangunan model pengajaran tahfiz yang sistematis dan kontemporer bagi menyokong pelaksanaan kurikulum secara lebih berkesan perlu dilakukan. Sehubungan dengan itu, penilaian kebolehgunaan model pengajaran Hifz al-Quran dalam Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) di Malaysia perlu dilakukan penyelidikan saintifik. Penilaian dilakukan melalui pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) yang melibatkan 27 orang guru pakar daripada Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Instrumen soal selidik digunakan bagi menilai sepuluh konstruk utama model termasuk matlamat, objektif, pendekatan, strategi, kaedah, teknik, aktiviti, bahan bantu, penilaian dan nilai murni. Dapatkan menunjukkan bahawa semua konstruk melepas tahap kesepakatan minimum 70%, dengan skor tertinggi diperoleh pada konstruk Penerapan Nilai Murni (96.3%) dan skor terendah pada konstruk Alat/Bahan Bantu Mengajar (88.3%). Penemuan ini membuktikan kebolehgunaan tinggi model tersebut dan

menyarankan beberapa penambahbaikan khusus. Kajian ini menyumbang kepada penghasilan model pengajaran Hifz al-Quran yang sistematis, relevan dan boleh diaplikasi secara meluas sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

Kata Kunci: Model pengajaran, Hifz al-Quran, kebolehgunaan, Kurikulum Bersepadu Tahfiz, penilaian pakar, teknik NGT

Abstract: Tahfiz education plays a vital role in producing balanced Muslim human capital, both spiritually and intellectually. The implementation of the Integrated Tahfiz Curriculum (KBT) by the Ministry of Education Malaysia represents a strategic initiative to integrate Quranic memorization (Hifz al-Quran) with mainstream education. However, the continued use of traditional teaching methods—often lacking a foundation in modern learning theories—poses challenges for the effective implementation of KBT, particularly in terms of pedagogy and the evaluation of teaching and learning effectiveness. This gap highlights the urgent need to develop a systematic and contemporary tahfiz teaching model to better support curriculum delivery. In response, this study conducted a scientific evaluation of the usability of a Hifz al-Quran teaching model within the framework of KBT in Malaysia. The assessment employed the Nominal Group Technique (NGT) involving 27 expert teachers from Sekolah Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). A structured questionnaire was used to evaluate ten key constructs of the model: goals, objectives, approaches, strategies, methods, techniques, activities, teaching aids, assessment, and core values. Findings revealed that all constructs exceeded the minimum consensus threshold of 70%, with the highest score observed in the Core Values construct (96.3%) and the lowest in Teaching Aids (88.3%). These results affirm the model's high level of usability while suggesting areas for targeted improvement. This study contributes to the development of a systematic, relevant, and widely applicable Hifz al-Quran teaching model aligned with the demands of 21st-century education.

Keywords: Teaching model, Hifz al-Quran, usability, Integrated Tahfiz Curriculum, expert evaluation, NGT technique

Pendahuluan

Pendidikan tahfiz merupakan antara tonggak penting dalam pembangunan modal insan Muslim yang seimbang dari segi rohani dan intelektual. Menyedari hakikat ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai satu inisiatif strategik untuk memperkasa pendidikan tahfiz di sekolah arus perdana. KBT memainkan peranan dalam mengintegrasikan pendidikan akademik dengan hafazan al-Quran untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja mahir dalam bidang akademik tetapi juga berkemampuan menghafaz al-Quran secara sistematik dan berkesan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Dalam konteks pelaksanaan KBT, terdapat pelbagai cabaran telah dikenal pasti khususnya dari aspek pedagogi dan pendekatan pengajaran hafazan yang digunakan oleh guru pada masa kini. Kebanyakan institusi tahfiz dan sekolah masa kini masih bergantung kepada pendekatan tradisional seperti hafalan berulang, *talaqqi musyafahah*, dan *muraja'ah rutin* tanpa bimbingan model pengajaran yang berpandukan teori pembelajaran mengikut kesesuaian zaman (Hamzah et al., 2020). Situasi ini menyebabkan wujudnya ketidakseragaman dalam pendekatan pengajaran dan kesukaran dalam menilai keberkesanannya PdP tahfiz secara objektif.

Menurut Abdullah et al. (2019), kajian-kajian yang telah dilakukan oleh sarjana sebelum ini menunjukkan kekurangan model pengajaran tahniz yang dibangunkan secara saintifik dan tidak disahkan keberkesanannya melalui kaedah empirikal. Abdullah et al. (2019) menyatakan bahawa terdapat jurang yang signifikan antara keperluan pendidikan tahniz masa kini dan ketersediaan model pengajaran yang sesuai dengan konteks semasa. Majoriti penyelidikan yang dilakukan sebelum ini memberi tumpuan kepada elemen keberkesanan hafazan atau motivasi pelajar tanpa memberikan perhatian terhadap pembinaan model pedagogi menyeluruh yang boleh diguna pakai oleh guru dalam bilik darjah.

Oleh itu, jurang permasalahan ini menimbulkan keperluan mendesak untuk membangunkan satu model pengajaran Hifz al-Quran yang bukan sahaja bersifat sistematik, tetapi juga praktikal dan disesuaikan dengan konteks pendidikan tahniz pada masa kini. Pembinaan model ini penting dan perlu mengambil kira prinsip pedagogi kontemporari serta melalui proses pengesahan pakar dalam memastikan kesesuaianya dari aspek isi kandungan, strategi pelaksanaan dan hasil pembelajaran yang targetkan. Sepertimana menurut Nawi dan Basar (2021) keperluan membangunkan kerangka model pengajaran tahniz mengikut keadaan semasa amat penting kerana boleh ditaksir secara objektif dan diaplikasikan secara menyeluruh di institusi pendidikan tahniz.

Sehubungan itu, kajian ini dijalankan untuk membangunkan satu model pengajaran Hifz al-Quran dan menilai tahap kebolehgunaannya menggunakan pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (*Nominal Group Technique, NGT*). Pendekatan ini dipilih bagi mendapatkan input dan konsensus daripada pakar dalam bidang pendidikan tahniz, sekali gus membolehkan penambahbaikan dibuat sebelum model ini diguna pakai secara rasmi. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk menilai kesesuaian konstruk utama dalam model pengajaran Hifz al-Quran yang dibangunkan dan seterusnya mengenal pasti aspek-aspek yang perlu ditambah baik berdasarkan maklum balas guru pakar sebelum model tersebut dibina dan diaplikasikan dalam konteks pendidikan sebenar. Dengan dapatan kajian boleh menjadi satu penambahan pemindahan ilmu terkini berkaitan pembangunan model pengajaran tahniz yang saintifik, serta menyumbang kepada pemantapan pelaksanaan KBT dalam melahirkan pelajar yang bukan sahaja menghafaz al-Quran dengan baik tetapi juga cemerlang dari aspek kognitif dan sahsiah.

Ulasan Karya

Keperluan Model Pengajaran Sistematis dalam Pendidikan Tahniz

Pembangunan sesuatu model pengajaran yang efektif tidak boleh dilakukan secara sewenang-wenangnya tanpa melalui proses penilaian yang sistematis dan saintifik. Branch (2009) menekankan bahawa kebolehgunaan sesuatu model instruksional hanya dapat disahkan apabila model tersebut diuji secara menyeluruh dari segi kesesuaian kandungan, pendekatan pengajaran, serta keberkesanannya dalam konteks sebenar penggunaannya. Dalam konteks pendidikan Islam, keperluan ini menjadi lebih penting memandangkan elemen keagamaan yang menjadi asas utama kepada segala aktiviti pembelajaran, terutamanya dalam pendidikan tahniz yang menuntut kesepadan antara hafazan, adab, dan amalan sehari-hari (Mohamad et al., 2021).

Kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa sebahagian besar institusi tahniz di Malaysia masih bergantung kepada pendekatan pengajaran tradisional yang berpusatkan guru dan berorientasikan hafalan semata-mata tanpa sokongan model instruksional yang sistematis dan saintifik (Hamid et al., 2020; Abdullah et al., 2019). Pendekatan ini bukan sahaja mewujudkan ketidaksamaan dari segi kualiti pengajaran dan pembelajaran antara institusi, malah turut

menjejasikan keberkesanan proses hafazan dalam kalangan pelajar (Nasir & Saad, 2022; Alias & Mohamad, 2021).

Ketidaaan panduan pedagogi yang tersusun telah menyebabkan berlaku variasi yang ketara dalam strategi pengajaran, teknik penilaian dan persekitaran pembelajaran, sekali gus mewujudkan jurang pencapaian dalam kalangan pelajar tahfiz (Othman et al., 2021). Tambahan pula, majoriti guru tahfiz tidak memiliki latar belakang pendidikan formal dalam bidang pedagogi moden, menyebabkan proses pengajaran lebih bersifat intuitif dan kurang berasaskan bukti (Zakaria et al., 2023).

Menurut Rahman dan Zulkifli (2023), keperluan kepada pembangunan model pengajaran Hifz al-Quran yang sistematis adalah amat mendesak, lebih-lebih lagi dalam era pasca-pandemik yang menuntut fleksibiliti dan keberkesanan pendekatan digital. Model pengajaran yang dirangka harus mengambil kira pelbagai aspek penting seperti psikologi perkembangan pelajar, strategi hafazan yang berstruktur, pengurusan masa, motivasi intrinsik dan ekstrinsik, serta integrasi teknologi pendidikan seperti aplikasi tahfiz interaktif dan platform pembelajaran bersepadu (Yusof & Ahmad, 2024).

Di luar negara, beberapa negara telah mengadaptasi model pengajaran tahfiz yang lebih tersusun dan saintifik. Sebagai contoh, di Mesir, sistem pengajian tahfiz di bawah pengawasan Al-Azhar al-Sharif menggabungkan hafazan dengan tafsir, tajwid, serta pengajian akademik secara seimbang dan turut memperkenalkan sistem penilaian bertingkat bagi mengukur tahap hafazan secara berstruktur dan berkala.

Di Turki, Demir (2023) telah membuat kajian berkaitan penilaian pendekatan penggunaan *Diyanet Hifz System* yang melibatkan model pembelajaran modular yang menekankan elemen disiplin diri, latihan kognitif, dan penggunaan teknologi hafazan seperti perisian *Quran Memorizer* dan aplikasi berbasis AI (Kaya & Demir, 2021). Hasil kajian menunjukkan peningkatan signifikan dalam kadar hafazan dan ketahanan hafalan dalam kalangan pelajar apabila pendekatan ini digunakan.

Sementara itu, di Indonesia, sistem pendidikan tahfiz moden yang diterapkan oleh Pesantren Modern menggabungkan kaedah *talaqqi musyafahah* secara digital, pemantauan hafalan harian melalui aplikasi, serta latihan motivasi pelajar berdasarkan pendekatan psikologi Islam (Susanto & Wahyudi, 2022). Model ini bukan sahaja menekankan kuantiti hafalan, tetapi juga kefahaman dan amalan nilai al-Quran dalam kehidupan harian.

Rumusannya berdasarkan ulasan-ulasan karya terdahulu menunjukkan keperluan kepada model pengajaran Hifz al-Quran yang sistematis dalam pendidikan tahfiz adalah amat kritikal bagi menjamin keberkesanan, keseragaman dan kelestarian sistem pengajian tahfiz arus perdana. Pendekatan yang masih bersifat tradisional dan tidak berdasarkan model instruksional yang saintifik menimbulkan pelbagai cabaran dari segi pencapaian pelajar dan kualiti pengajaran. Sorotan dalam dan luar negara menunjukkan bahawa keberkesanan pengajaran tahfiz dapat ditingkatkan melalui pembinaan model yang mengambil kira aspek pedagogi moden, teknologi, psikologi pelajar dan penilaian berasaskan bukti. Oleh itu, pembangunan dan pengujian empirik terhadap model pengajaran yang sistematis adalah suatu keperluan mendesak dalam menyokong pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) secara berkesan dan lestari.

Peranan Penilaian Pakar dalam Pembangunan Model

Penilaian pakar merupakan salah satu proses kritikal dalam reka bentuk pembangunan instruksional, terutama dalam fasa validasi awal sebelum sesuatu model digunakan secara meluas. Dalam konteks pendidikan Islam, penglibatan panel pakar bukan sahaja merangkumi aspek teknikal dan pedagogi, tetapi juga memastikan bahawa kandungan, pendekatan dan aplikasi model tersebut mematuhi prinsip syariah serta selari dengan falsafah pendidikan Islam (Hashim & Embong, 2018).

Menurut Yunus et al. (2022), penilaian pakar dapat mengenal pasti kelemahan tersembunyi yang mungkin tidak dapat dikesan oleh pembangun modul sendiri, termasuk dari sudut kefahaman pengguna akhir, kesesuaian konteks budaya, dan keberkesan fungsi model. Penilaian ini juga bertindak sebagai jaminan kualiti terhadap kesahihan isi kandungan dan reka bentuk, terutamanya apabila melibatkan golongan pelajar yang memerlukan pendekatan khusus seperti dalam pendidikan tafsir.

Kajian oleh Ismail et al. (2021) menegaskan bahawa model pengajaran yang dinilai dan diperakui oleh panel pakar menunjukkan tahap keberkesan yang lebih tinggi dalam aplikasi sebenar di sekolah berbanding model yang dibangunkan tanpa proses pengesahan akademik. Ini kerana input pakar bukan sahaja menyumbang kepada penambahbaikan reka bentuk, malah meningkatkan kredibiliti model dalam kalangan pengguna dan penggubal dasar pendidikan.

Tambahan pula, dalam konteks pendidikan Islam yang menekankan keseimbangan antara ilmu naqli dan aqli, peranan pakar dalam kedua-dua bidang amat penting bagi memastikan model yang dibangunkan tidak hanya berkesan dari sudut teknikal, tetapi juga sah dari perspektif syarak dan akhlak (Nordin & Mohd, 2020). Hal ini sejajar dengan prinsip *maslahah* dan *maqasid syariah* dalam pendidikan, di mana sebarang inovasi harus membawa manfaat dan mengelakkan kemudaratian.

Kesimpulannya, penglibatan pakar dalam proses pembangunan model pengajaran Hifz al-Quran bukan sahaja menepati piawaian reka bentuk instruksional moden, tetapi juga memastikan ketulenan dan kesahihan kandungan dari perspektif syariah dan pedagogi. Penilaian pakar berperanan sebagai mekanisme kawalan kualiti yang menyeluruh, merangkumi aspek teknikal, budaya, dan nilai agama. Oleh itu, ia perlu dijadikan elemen teras dalam pembangunan sebarang model pengajaran dalam sistem pendidikan tafsir bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan, diterima dan lestari dalam konteks pendidikan Islam kontemporari.

Penggunaan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) dalam Penilaian Model

Teknik Kumpulan Nominal atau *Nominal Group Technique* (NGT) diperkenalkan oleh Delbecq et al. (1975) sebagai satu pendekatan sistematik dalam mengumpulkan data kualitatif dan kuantitatif secara serentak melalui perbincangan berstruktur dalam kalangan pakar. Berbeza dengan perbincangan kumpulan secara bebas, NGT menekankan elemen *equal participation* dan *independent judgment*, di mana setiap ahli panel diberikan ruang untuk menyuarakan pandangan secara tersusun sebelum mencapai konsensus melalui undian atau penilaian keutamaan. Kaedah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti persepsi, cadangan penambahbaikan, dan hierarki keutamaan terhadap elemen-elemen model yang dibangunkan (Lee et al., 2020).

NGT telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti penjagaan kesihatan (Van de Ven & Delbecq, 2000), pembangunan polisi, pendidikan, dan pengurusan organisasi kerana

keupayaannya menyeimbangkan pandangan minoriti dan majoriti serta mengurangkan dominasi peserta tertentu dalam perbincangan. Dalam konteks pendidikan Islam dan tafhiz, penggunaan NGT masih terhad, namun potensi aplikasinya semakin mendapat perhatian oleh penyelidik kontemporari.

Kajian oleh Ahmad et al. (2020) menunjukkan bahawa NGT sangat sesuai digunakan dalam penilaian reka bentuk modul pengajaran yang melibatkan gabungan nilai keagamaan, aspek kognitif dan penghayatan spiritual. Ini kerana NGT membolehkan pengumpulan maklumat secara komprehensif daripada pelbagai disiplin pakar seperti ulama, guru tafhiz, ahli psikologi pendidikan dan pakar kurikulum. Rahim dan Hassan (2024) turut menyokong kaedah ini sebagai pendekatan ideal untuk menilai kesesuaian konstruk sesuatu model pengajaran dalam konteks pembelajaran berdasarkan nilai dan budaya tempatan.

Tambahan pula, dalam kajian pembangunan instrumen pendidikan Islam, NGT terbukti membantu dalam proses eksplorasi konstruk dan dimensi penting yang perlu dimasukkan dalam reka bentuk modul, selain mengurangkan bias individu dalam proses penilaian awal (Nordin et al., 2021). Pendekatan ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menstrukturkan dapanan pakar dalam bentuk data yang boleh dianalisis secara kuantitatif dan disokong oleh justifikasi kualitatif yang kukuh.

Kesimpulannya, penggunaan NGT dalam proses penilaian model pengajaran Hifz al-Quran adalah sangat bersesuaian dan relevan dengan objektif kajian. NGT bukan sahaja membolehkan pengumpulan data secara sistematik dan tersusun, malah menggalakkan penglibatan aktif semua pakar secara adil dan berstruktur. Ia mampu menghasilkan dapanan konsensus yang lebih sah, mengurangkan bias individu, dan menyokong pembinaan konstruk model secara saintifik serta kontekstual. Dalam konteks pendidikan tafhiz yang menekankan aspek nilai, akhlak dan spiritualiti, kaedah NGT merupakan pilihan yang strategik dan berimpak tinggi bagi menghasilkan model pengajaran yang autentik dan berkesan.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan *Design and Development Research* (DDR) yang diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007). DDR merupakan satu pendekatan sistematik yang menekankan kepada aspek pembangunan dan penilaian produk atau model pendidikan yang inovatif, melalui tiga fasa utama iaitu analisis keperluan, pembangunan model, dan penilaian kebolehgunaan. Kajian ini memfokuskan kepada fasa ketiga, iaitu penilaian kebolehgunaan model pengajaran Hifz al-Quran yang telah dibangunkan.

Peserta kajian terdiri daripada 27 orang guru pakar tafhiz yang berkhidmat di institusi Sekolah Tafhiz Model Ulul Albab (TMUA) yang terpilih. Pemilihan peserta dilakukan secara pensampelan bertujuan yang dipilih mengikut aspek-aspek seperti berikut;

- Mempunyai pengalaman mengajar melebihi tujuh tahun dalam bidang pengajaran tafhiz,
- Berpengalaman terlibat dalam penggubalan atau pelaksanaan kurikulum tafhiz, dan
- Bersedia menyertai sesi bengkel penuh.

Instrumen kajian merupakan soal selidik penilaian pakar yang dibangunkan berdasarkan prinsip reka bentuk model instruksional dan kesesuaian dalam konteks pendidikan Islam. Setiap bahagian mengandungi beberapa item yang menilai sepuluh konstruk utama dalam model pengajaran Hifz al-Quran. Item dinilai menggunakan skala lima mata (Likert) serta disertakan

dengan ruangan komen kualitatif untuk maklum balas terbuka. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan statistik deskriptif, khususnya melalui pengiraan skor kesepakatan peratusan (%) bagi setiap konstruk berdasarkan maklum balas daripada tiga kumpulan pakar. Tahap kesesuaian konstruk dikategorikan mengikut saranan Deslandes et al. (2010), di mana nilai minimum 70% dianggap sebagai penanda aras kebolehgunaan yang mencukupi. Nilai ini mencerminkan tahap konsensus pakar yang tinggi dan menunjukkan konstruk tersebut adalah sesuai dan boleh dilaksanakan dalam konteks sebenar pengajaran tafhiz.

Hasil Kajian

Profil

Jadual 1 memperincikan profil subjek seramai 27 orang guru pakar yang terlibat dalam fasa ketiga kajian ini, iaitu fasa penilaian kebolehgunaan model pengajaran Hifz al-Quran yang telah dibangunkan. Latar belakang demografi peserta dianalisis secara menyeluruh bagi menilai kesesuaian dan kebolehpercayaan input yang diberikan dalam proses penilaian model.

Dari segi jantina, dapatan menunjukkan bahawa penyertaan guru pakar terdiri daripada 56% wanita ($n=15$) dan 44% lelaki ($n=12$). Taburan ini memberikan kesimbangan dari sudut perspektif gender dalam menilai keberkesanannya model yang diuji, sekali gus memperkaya kualiti maklum balas yang diterima berdasarkan pengalaman serta pendekatan pengajaran yang pelbagai.

Dari aspek umur, majoriti guru pakar (74%, $n=20$) berada dalam lingkungan usia 31 hingga 40 tahun, manakala selebihnya (26%, $n=7$) berumur antara 41 hingga 50 tahun. Ketiadaan peserta yang berumur di bawah 30 tahun atau melebihi 50 tahun menunjukkan bahawa kumpulan pelaksana terdiri daripada individu yang berada dalam fasa kemuncak kematangan profesional, dengan gabungan kemahiran pedagogi dan pengalaman lapangan yang luas. Keadaan ini dianggap ideal dalam konteks kajian reka bentuk dan pembangunan kerana mereka berupaya memberikan refleksi kritikal terhadap reka bentuk model berdasarkan pengalaman sebenar di bilik darjah.

Dari sudut kelayakan akademik, sebahagian besar pelaksana (89%, $n=24$) mempunyai ijazah sarjana muda, manakala hanya 11% ($n=3$) mempunyai kelayakan pada peringkat sarjana. Walaupun tiada peserta yang memiliki ijazah kedoktoran, bilangan pelaksana yang berkelulusan tinggi ini mencerminkan tahap literasi akademik yang mencukupi untuk melaksanakan penilaian pakar terhadap konstruk dan item dalam model yang diuji. Selain itu, tahap akademik pelaksana ini juga seiring dengan tahap penglibatan profesional mereka dalam bidang pendidikan tafhiz.

Tempoh perkhidmatan peserta kajian juga menunjukkan kepelbagaian pengalaman, yang penting dalam meningkatkan kebolehpercayaan dapatan kajian. Seramai 11 orang pelaksana (41%) mempunyai pengalaman antara 6 hingga 10 tahun, diikuti oleh 8 orang (30%) dengan pengalaman antara 1 hingga 5 tahun. Sejumlah 6 orang (22%) berpengalaman antara 16 hingga 20 tahun, manakala 2 orang (7%) mempunyai pengalaman antara 11 hingga 15 tahun. Taburan ini menggambarkan adanya kesimbangan antara pelaksana yang aktif dalam amalan pengajaran semasa dan mereka yang mempunyai pengalaman jangka panjang, seterusnya menyumbang kepada input yang pelbagai dan seimbang dari aspek teori serta praktikal.

Dari aspek yang lebih khusus, iaitu pengalaman dalam bidang pengajaran tafhiz, data menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pelaksana (96%, n=26) mempunyai pengalaman antara 6 hingga 10 tahun, manakala hanya seorang (4%) mempunyai pengalaman antara 11 hingga 15 tahun. Ketiadaan peserta dalam kategori kurang daripada 5 tahun atau melebihi 15 tahun menunjukkan bahawa peserta yang dipilih berada dalam tempoh matang pengukuhan kompetensi dalam bidang tersebut. Keadaan ini sangat signifikan dalam konteks kajian ini kerana pengalaman mengajar al-Quran secara praktikal memberikan impak langsung terhadap penilaian keberkesaan dan kebolehgunaan model yang diuji.

Secara keseluruhannya, analisis demografi pelaksana kursus yang terlibat dalam fasa penilaian kebolehgunaan ini menunjukkan bahawa pemilihan peserta dilakukan secara strategik dan menepati kriteria kajian reka bentuk dan pembangunan. Gabungan latar belakang akademik, pengalaman perkhidmatan, serta penglibatan langsung dalam pengajaran tafhiz menjadikan kumpulan ini berwibawa dalam memberikan penilaian yang sah, berautoriti dan relevan terhadap model pengajaran yang dibangunkan.

Jadual 1 Demografi Pakar Guru dalam Fasa Penilaian dan Kebolehgunaan

Item	Kategori	Kekerapan (n)	Peratusan (%)
Jantina	lelaki	13	44%
	Perempuan	15	56%
Umur	20 – 30 tahun	-	-
	31 – 40 tahun	20	74%
	41 – 50 tahun	7	26%
Kelulusan akademik	Ijazah Sarjana Muda	24	89%
	Ijazah Sarjana	3	11%
	Ijazah Kedoktoran	-	-
Tempoh dalam perkhidmatan	1-5 tahun	8	30%
	6-10 tahun	11	41%
	11-15 tahun	2	7%
	16-20 tahun	6	22%
Pengalaman dalam bidang pengajaran Tafhiz	3-5 tahun	-	-
	6-10 tahun	26	96%
	11-15 tahun	1	4%
	16-20 tahun	-	-

Kesesuaian Konstruk Utama Model Pengajaran Hifz al-Quran

Jadual 2 menunjukkan bahawa semua konstruk utama telah melepas tahap minimum kesepakatan sebanyak 70%, seperti yang disarankan oleh Deslandes et al. (2010) dan Dobbie et al. (2004). Dapatkan ini menandakan tahap kebolehgunaan yang tinggi serta kesesuaian model untuk diterapkan dalam konteks pengajaran Hifz al-Quran di sekolah menengah yang mengaplikasikan Kurikulum Bersepadu Tafhiz (KBT). Konstruk dengan skor tertinggi ialah *Penerapan Nilai Murni* (96.3%), diikuti oleh *Penilaian Pengajaran* (95.2%), *Objektif Pengajaran* (94.7%), dan *Kaedah Pengajaran* (94.2%). Skor tinggi ini mencerminkan tahap kesesuaian yang sangat tinggi dari segi pelaksanaan serta kefahaman guru terhadap elemen-elemen dalam model yang dibangunkan. Sementara itu, konstruk *Alat/Bahan Bantu Mengajar* mencatatkan skor paling rendah (88.3%), namun masih berada dalam kategori sangat sesuai. Dapatkan ini mencadangkan keperluan penambahbaikan dari sudut penyediaan bahan bantu

mengajar yang lebih inovatif, berimpak tinggi, serta kontekstual mengikut perkembangan dan keperluan semasa dalam pendidikan tafhif.

Jadual 2 Dapatan data bagi Penilaian Kebolehgunaan Konstruk Utama Model Pengajaran *Hifz al-Quran*

Bil	Konstruk Utama	Skor Kumpulan Pakar Guru			Jumlah Skor	Peratusan (%)	Status Penilaian
		A (n=9)	B (n=9)	C (n=9)			
1.	Matlamat Pengajaran	46	58	60	164	91.24%	Sesuai
2.	Objektif Pengajaran	58	60	61	179	94.7%	Sesuai
3.	Strategi Pengajaran	57	57	59	173	91.5%	Sesuai
4.	Pendekatan Pengajaran	57	58	60	175	92.6%	Sesuai
5.	Kaedah Pengajaran	58	59	61	178	94.2%	Sesuai
6.	Teknik Pengajaran	57	57	61	175	92.6%	Sesuai
7.	Aktiviti Pengajaran	55	58	60	173	91.5%	Sesuai
8.	Alat/Bahan Bantu Mengajar	52	54	61	167	88.3%	Sesuai
9.	Penilaian Pengajaran	58	60	62	180	95.2%	Sesuai
10.	Penerapan Nilai Murni	58	61	63	182	96.3	Sesuai

Perbincangan dan Saranan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua konstruk utama dalam model pengajaran Hifz al-Quran telah melepassi tahap kesepakatan minimum 70% seperti yang disarankan oleh Deslandes et al. (2010). Ini membuktikan tahap kebolehgunaan yang tinggi dan kesesuaian untuk diaplikasikan dalam konteks pengajaran tafhif arus perdana. Konstruk tertinggi dicapai oleh *Penerapan Nilai Murni* diikuti oleh *Penilaian Pengajaran* dan *Objektif Pengajaran*. Hal ini menggambarkan kepentingan integrasi nilai dan etika dalam PdP Hifz al-Quran yang berkesan, serta menunjukkan kefahaman dan kesediaan guru pakar untuk melaksanakan model berasaskan nilai dalam kelas mereka (Mohamad et al., 2021; Rahim & Hassan, 2024).

Namun, konstruk *Alat/Bahan Bantu Mengajar* mencatatkan skor paling rendah (88.3%) walaupun masih dalam kategori “sesuai”. Dapatan ini seiring dengan laporan oleh Zakaria et al. (2023) yang menegaskan bahawa guru tafhif menghadapi cabaran dalam akses dan integrasi teknologi pendidikan moden. Oleh itu, aspek ini perlu diberi perhatian agar bahan bantu yang digunakan lebih bersifat interaktif, digital dan kontekstual, sejajar dengan keperluan pelajar generasi kini (Yusof & Ahmad, 2024).

Berdasarkan kepada dapatan dan perbincangan ini, kajian ini memberi beberapa implikasi penting dalam pembangunan pendidikan tafhif di Malaysia iaitu;

1) Implikasi Terhadap Dasar Pendidikan

Dapatan menunjukkan bahawa model pengajaran Hifz al-Quran yang dibangunkan secara saintifik dan disahkan pakar dapat menyumbang kepada pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Tafhif (KBT) yang lebih sistematik, selaras dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam melahirkan insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

2) Implikasi Kepada Latihan Guru Tahfiz

Kajian ini menekankan keperluan latihan pedagogi dan teknologi kepada guru tahfiz agar mereka bersedia mengaplikasikan model pengajaran berstruktur dan berdasarkan nilai secara berkesan dalam bilik darjah (Hamid et al., 2020; Abdullah et al., 2019).

3) Implikasi Kepada Pembangunan Model Masa Depan

Kajian ini membuktikan bahawa NGT ialah satu kaedah yang relevan dalam penilaian pakar untuk pembangunan modul atau model instruksional, khususnya dalam konteks pendidikan yang melibatkan elemen nilai dan agama.

Justeru itu, dalam memperkuuhkan kelestarian dan kemampuan penggunaan model pengajaran Hifz al-Quran lebih komprehensif dan sistematik, beberapa Cadangan penambahbaikan telah dikemukakan. Antaranya;

1) Pembangunan Bahan Bantu Digital Interaktif

Pembangunan bahan bantu mengajar berasaskan teknologi seperti aplikasi hafazan, video interaktif dan papan pintar wajar digalakkan agar seiring dengan keperluan pelajar abad ke-21 (Yusof & Ahmad, 2024).

2) Latihan Profesional Berterusan Kepada Guru Tahfiz

Satu pelan latihan jangka panjang perlu dirangka oleh pihak berwajib untuk memperkuuh kecekapan pedagogi, penilaian berdasarkan hasil pembelajaran, serta penggunaan teknologi dalam PdP tahfiz.

3) Ujian Keberkesanan Model Dalam Konteks Sebenar

Kajian lanjutan secara kuantitatif dan eksperimental disarankan untuk menguji keberkesanan model ini terhadap pencapaian hafazan, motivasi dan sahsiah pelajar dalam jangka masa panjang.

4) Penghasilan Manual Model Pengajaran Tahfiz

Manual rasmi perlu dibangunkan dan diedarkan kepada institusi tahfiz agar guru mempunyai rujukan standard bagi pelaksanaan model dengan lebih teratur dan konsisten.

Secara keseluruhannya, kajian ini membuktikan bahawa model pengajaran Hifz al-Quran yang dibangunkan adalah sesuai dan berpotensi untuk dilaksanakan secara lebih meluas di institusi tahfiz arus perdana. Penekanan terhadap nilai murni, penilaian yang sistematik serta objektif yang jelas menjadi asas kepada keberkesanan PdP tahfiz yang holistik. Dengan penambahbaikan berterusan dan sokongan dasar yang kukuh, model ini diyakini mampu menyumbang kepada transformasi pendidikan tahfiz negara.

Rumusan

Tujuan utama kajian ini untuk menilai tahap kebolehgunaan model pengajaran Hifz al-Quran yang dibangunkan melalui pendekatan Teknik Kumpulan Nominal (NGT) melibatkan 27 orang guru pakar tahfiz dari institusi yang melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Kesemua konstruk utama dalam model mencatatkan skor melebihi tahap minimum dan kesepakatan yang disarankan, menunjukkan bahawa model ini mempunyai tahap kesesuaian dan kebolehgunaan yang tinggi untuk diaplikasikan dalam konteks pendidikan tahfiz arus perdana. Penemuan ini memberikan sumbangan signifikan kepada bidang pedagogi tahfiz dengan mengemukakan satu model yang berasaskan nilai, objektif pembelajaran yang jelas, penilaian yang terstruktur serta pendekatan bahan bantu mengajar yang kontemporer. Selain itu, keberkesanan penggunaan NGT dalam proses penilaian pakar turut disahkan melalui dapatan kajian, membuktikan bahawa pendekatan ini merupakan mekanisme yang berkesan, efisien dan berimpak tinggi dalam pembangunan model pendidikan Islam yang holistik. Secara

keseluruhannya, kajian ini membuka ruang kepada inovasi kurikulum tafhiz yang lebih sistematis, lestari dan sejajar dengan keperluan pendidikan abad ke-21. Ia diharap dapat dijadikan asas rujukan bagi pembuat dasar, institusi pendidikan tafhiz, dan penyelidik dalam usaha memperkuuh pendidikan tafhiz negara melalui pendekatan yang saintifik, berdasarkan nilai dan berpusatkan pelajar.

Penghargaan

Segala puji dan syukur saya panjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya, artikel ini berjaya disiapkan dengan jayanya. Usaha ini tidak akan terlaksana tanpa sokongan dan dorongan daripada insan-insan yang banyak membantu secara langsung mahupun tidak langsung sepanjang perjalanan penyelidikan ini. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya, Prof. Madya Dr. Mohamed Akhiruddin bin Ibrahim dan Dr. Zainora binti Daud, atas segala bimbingan, nasihat, dan sokongan berterusan yang telah diberikan. Tidak dilupakan juga kepada keluarga, rakan penyelidik, serta pihak yang terlibat secara langsung dalam membantu pelaksanaan kajian ini. Sumbangan anda semua amat saya hargai dan semoga Allah membala segala jasa baik dengan sebaik-baik ganjaran.

Rujukan

- Abdullah, M. F., Latif, A. R. A., & Rahim, N. A. (2019). *Cabarannya dalam melaksanakan model pengajaran tahfiz di sekolah arus perdana*. Jurnal Pendidikan Islam, 24(1), 33–45.
- Ahmad, S. N., Mohamad, R., & Daud, M. Y. (2020). *The use of Nominal Group Technique in developing Islamic-based instructional module: An exploratory study*. Malaysian Journal of Educational Research, 5(2), 55–68.
- Alias, R., & Mohamad, S. (2021). *Inconsistencies in hifz pedagogy among Malaysian tahfiz institutions: A qualitative review*. International Journal of Quranic Studies, 3(1), 12–25.
- Branch, R. M. (2009). *Instructional Design: The ADDIE Approach*. Springer.
- Delbecq, A. L., Van de Ven, A. H., & Gustafson, D. H. (1975). *Group techniques for program planning: A guide to nominal group and Delphi processes*. Scott, Foresman.
- Demir, S. (2023). *Evaluating technology-enhanced memorization techniques in Turkish Diyanet Tahfiz programs*. Middle East Journal of Educational Studies, 11(1), 23–40.
- Deslandes, R., Barma, S., & Morin, M.-F. (2010). *Towards a typology of parental involvement in school*. International Journal about Parents in Education, 4(1), 45–56.
- Hamid, M. H., Salleh, N. M., & Sulaiman, R. (2020). Pengajaran Tahfiz: Isu dan cabaran masa kini. *Jurnal Pengajian Islam*, 8(1), 22–31.
- Hamzah, M. I., Zakaria, S. M., & Talib, M. A. (2020). *Pendekatan pengajaran hafazan dalam kalangan guru tahfiz di sekolah menengah agama*. Jurnal Penyelidikan Pendidikan, 9(1), 12–25.
- Hashim, N. A., & Embong, R. (2018). *Islamic pedagogy in curriculum development: The role of experts in quality assurance*. Journal of Islamic Educational Research, 4(1), 34–48.
- Ismail, S., Hassan, R., & Azmi, N. (2021). *Validation and effectiveness of instructional models with expert input: A case study in Malaysian religious schools*. Malaysian Journal of Learning and Instruction, 18(2), 56–70.
- Kaya, A., & Demir, M. (2021). *Pedagogical strategies in structured hifz education in Turkey: A national model*. Journal of Islamic Instructional Design, 6(3), 34–52.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014). *Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT): Garis Panduan Pelaksanaan*.
- Lee, M. Y., Lee, R. A., & Chan, C. (2020). *Nominal Group Technique as an evaluation tool in higher education*. Journal of Educational Evaluation, 16(3), 42–58.
- Mohamad, A., Alias, R., & Saad, N. (2021). Religious Education and Pedagogical Design: A Malaysian Perspective on Quranic Instruction. *Journal of Islamic Education and Learning*, 6(1), 12–27.
- Nawi, A. M., & Basar, N. A. (2021). Keperluan Model Baharu dalam Pendidikan Tahfiz Pasca-Pandemik. *Malaysian Journal of Islamic Education*, 9(2), 55–64.
- Nasir, N. H. M., & Saad, S. (2022). *A pedagogical gap in tahfiz institutions: Toward a standardized instructional model*. International Journal of Islamic Education Research, 5(3), 34–48.
- Nordin, N., & Mohd, A. R. (2020). *Pedagogi Islam dan kesahan kandungan dalam reka bentuk kurikulum: Suatu analisis konsep dan pelaksanaan*. Jurnal Pendidikan Islam, 35(1), 81–94.
- Nordin, R., Zainuddin, H., & Yahya, F. (2021). Penggunaan Teknik Kumpulan Nominal dalam pembangunan instrumen pengajaran Islam. *Jurnal Kaedah Penyelidikan Pendidikan Islam*, 2(2), 45–59.
- Othman, M., Salleh, M. N., & Latif, A. (2021). *Teaching strategies and assessment in tahfiz education: A comparative analysis*. Jurnal Pendidikan Islam, 29(1), 67–84.
- Rahman, H., & Zulkifli, S. (2023). *Development needs of an integrated instructional model for Quran memorization*. Journal of Contemporary Islamic Education, 4(2), 89–104.

- Rahim, R., & Hassan, N. M. (2024). *Evaluating spiritual-based learning models using Nominal Group Technique*. Asian Journal of Islamic Education, 6(1), 34–48.
- Richey, R. C., & Klein, J. D. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues*. Lawrence Erlbaum Associates.
- Susanto, A., & Wahyudi, A. (2022). *Modern pesantren's integration of memorization methods and digital monitoring: A study of effective practices in Indonesia*. Southeast Asian Journal of Islamic Education, 9(1), 45–60.
- Van de Ven, A. H., & Delbecq, A. L. (2000). *The effectiveness of Nominal Group and Delphi processes*. Academy of Management Journal, 18(4), 605–621.
- Yusof, N. H., & Ahmad, R. (2024). *Digital transformation in tafhiz pedagogy: Potentials and challenges*. Asian Journal of Islamic Pedagogy, 6(1), 44–58.
- Zakaria, A. R., Mahmud, M., & Halim, N. (2023). *Pedagogical competencies among tafhiz educators in Malaysian private institutions*. Malaysian Journal of Islamic Studies, 15(2), 88–100.